

Misi aeroangkasa jalin toleransi sejagat

Malaysia kena manfaat peluang untuk perkasa kepakaran bidang angkasa lepas

BH m/s 11 20.10.07

Oleh Dr Ilias Zaidi

TEPAT jam 2121 tanggal 10 Oktober 2007, Rabu, 28 Ramadan 1428 Hijrah, terakam dalam sejarah apabila angkasawan pertama negara, Dr Sheikh Muszaphar Shukor, 35, berjaya ke angkasa, 46 tahun enam bulan sesudah Yuri Gagarin, berada di ruang angkasa lepas selama satu jam 48 minit dengan sekali pusingan melingkari orbit bumi di atas kapal Vostok-1.

Dua puluh empat jam selepas pelancarannya, Soyuz TMA-11 beredar mengelilingi orbit sebelum berlabuh di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS), pada tengah malam ketika umat Islam seluruh negara membuat persiapan terakhir dan bertakbir menjelang hari raya, Sabtu lalu.

Banyak signifikannya di sebalik kejayaan pelancaran dan pendaratan angkasawan pertama negara di ISS itu, yang dimungkinkan oleh kerjasama Russia serta muafakat 16 negara, projek paling ambisus setakat ini dalam penerokaan aeroangkasa.

Dr Sheikh Muszaphar berpuasa, bersolat dan berhari raya di ruang angkasa dan ISS. Sepuluh hari di stesen angkasa itu, beliau dijadualkan mempunyai jadual kajian yang padat. Tiga kajian terpaksa dipikul bagi merealisasikan misi aeroangkasa negara, masing-masing membabitkan sel di angkasa, mikrob di angkasa dan pengkristalan protein sebelum pulang ke bumi, Ahad ini.

Misi ini sesungguhnya satu langkah besar lagi panjang kejayaan angkasawan sulong itu, demi faedah dan kepentingan kemanusiaan sejagat dalam usaha pemupukan persefahaman jagat menerusi program aeroangkasa dengan penubuhan ISS, lebih

INTI PATI

Misi aeroangkasa

- Signifikan di sebalik kejayaan pelancaran dan pendaratan angkasawan pertama negara di ISS itu, perlu dimanfaatkan negara.
- Misi angkasawan menerusi program aeroangkasa dengan penubuhan ISS adalah usaha pemupukan toleransi dan persefahaman sejagat.
- Kerjasama penerokaan ruang aeroangkasa yang dituruti dengan aktiviti dan kajian saintifik hiliran dapat memakmurkan ilmu dan pengetahuan mengenai kejadian alam semesta dan segala cakerawala demi kepentingan umat manusia.
- Kerajaan Malaysia perlu mengambil kesempatan yang dihulurkan Russia ini untuk menambah bidang kepakaran kita dalam saintifik aeroangkasa.
- Penerokaan saintis dan ahli teknologi negara terhadap atmosfera angkasa suatu penjana baru dalam usaha negara memperkasa teknologi maklumat dan komunikasi.

Kerjasama penerokaan ruang aeroangkasa yang dituruti dengan aktiviti dan kajian saintifik hiliran kemudiannya dapat memakmurkan ilmu dan pengetahuan mengenai kejadian alam semesta dan segala cakerawala demi kepentingan umat manusia juga.

Ketika kepimpinan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj berkira-kira hendak membentuk negara baru Malaysia pada 1961, ketika itulah semua rakyat dikejutkan dengan berita pelik, tetapi benar ketika Gargarin mendapat jolokan 'hero aeroangkasa'.

Tidak setitikpun keberangskalian tersentuh dalam sanubari rakyat bahawa suatu masa nanti, Russia yang ketika itu dikenali Soviet Union, sebuah negara komunis dapat menghulurkan persahabatan dan bantuan saintifik kepada kita sehingga Dr Sheikh Muszaphar dan Dr Faiz Khaleed, benar-benar memanfaatkannya. Dr Faiz bakal dilancarkan sebagai angkasawan kedua negara.

Semua ini berkat keramat dan jiwa insani Tun Abdul Razak, yang ketika menjadi Perdana Menteri sesudah Tunku Abdul Rahman, mengubah dasar luar negara melebar pintu diplomatik dengan negara komunis khususnya Republik Rakyat China dan Soviet Union.

Penerokaan aeroangkasa menuntut kos yang mahal dari segi kewangan, mahupun tenaga saintis di sebalik tabir. Kos nyawa terkorban tidak terbayar apabila menyaksikan Gargarin terkorban tujuh tahun sesudah pengukiran sejarahnya, dalam satu nahas latihan jet pejuang.

Malaysia kini sudah menyertai kelab ae-

manag tepat memandang sejarah panjang lagi gemilang yang sudah ditempuhi. Negara bekas komunis itu mempelopori penyelidikan ruang angkasa dengan pelancaran satelit tiruan bumi pertama pada 1957. Gargarin pula ialah perintis angkasawan terbang ke ruang angkasa pada 1961.

Amerika Syarikat mengekori dengan pelancaran kapal angkasa siri Apollo sehingga akhirnya dapat mendarat manusia pertama di bulan. Pelancaran angkasawan negara kita ini pasti menerjah keterpesonannya melihat keindahan atmosfera bumi seperti pernah diungkapkan oleh Armstrong, pada Julai 1969: "Bumi diliputi laut yang membiru, daratan yang menghijau, dan awan yang memutih. Rupa bumi seperti sebutir mutiara yang tergantung-gantung di angkasa raya".

Sesudah peristiwa bersejarah ini, kedua-dua gergasi besar dunia dalam bidang aeroangkasa sehingga berlakunya projek kerjasama penerokaan ke ruang angkasa yang dinamakan Projek Apollo-Soyuz. Peristiwa Komander Stafford merangkak masuk ke kapal angkasa Russia dan kemudian berjabat tangan dengan angkasawan Leonov, membuktikan bahawa rancangan angkasa lepas Amerika dan Russia masih mampu bekerjasama satu sama lain demi kepentingan pengetahuan saintifik angkasa kepada kemanusiaan sejagat.

Dengan kejayaan kerjasama itu, kini Russia sebagai contoh mahu menghulurkan kepakaran dan kecanggihan latihan dan teknologi aeroangkasa untuk dikongsi manusia sejagat. Kalau begitu, tidak salahnya kerajaan Malaysia mengambil kesempatan

360 kilometer ke bumi.

Ketika menulis esei menyambut baik kejayaan Neil Armstrong, disusuli rakannya, Kolonel Edwin E Aldrin, mendarat di bulan pada jam 3.48 pagi, tanggal 21 Julai 1969 (waktu tempatan), saya berharap kejayaan misi Amerika Syarikat itu dapat memberi rahmat besar kepada umat manusia sejagat

Tarikh siaran rencana ini sinonim dengan tarikh kelahiran Dr Sheikh Muszaphar, tiga tahun kemudian, angkasawan yang dilepaskan di Baikonur Cosmodrome, kawasan lapang di Kazakhstan, rantau Asia Tengah, tempat terlancarnya Yuri Gargarin pada 12 April 1961.

Tidak terlintas ketika itu bahawa hari ini, tarikh keramat bagi meraikan kegemilangan dan kehebatan sambutan kemerdekaan ke-50, Dr Sheikh Muszaphar, anak kelahiran Negeri Sembilan itu, memelopori harapan dan cita-cita rakyat negara dihantar ke ISS.

Misi ini dimungkinkan daripada kerjasama dan persahabatan yang dihulurkan Russia kepada kita selaku negara membangun, yang amat gigih mencipta kelainan dan kehebatan pembangunan, melakarkan program angkasa lepas, sekali gus mengubah impian dan igauan hampir 47 tahun lampau. Ucapan tahniah dan terima kasih setinggi-tinggi kepada bekas Perdana Men-

teri, Tun Dr Mahathir Mohamad, di sebalik cetusan idea bernasnya mengenai misi itu pada 2003.

Ketika pelancaran Gargarin, dan kemudian pendaratan Armstrong di bulan barangkali rata-rata pemimpin dan rakyat kita beranggapan program angkasa adalah sesuatu yang mustahil, tidak terjangkau oleh kemampuan kita, sesuatu yang mustahil dan tidak masuk akal. Seperti cerita kartun, dakwa sesetengah pihak lantaran sains dan teknologi masih lagi fobia bagi banyak kalangan rakyat kita.

Ketika pendaratan bersejarah 'Eagle' buat umat manusia, rakan mereka Michael Collins, tinggal dalam kapal induk, Columbia, melingkari angkasa bulan dari jarak 110,400 kilometer.

Kejayaan Dr Sheikh Muszaphar melaksanakan misinya di ISS dengan kerjasama krew lain, menandakan langkah besar di planet bumi, seperti gagasan Neil Armstrong: "Selangkah kecil di permukaan bulan dapat disamakan selangkah panjang kejayaan manusia di permukaan bumi".

Sampel tanah bulan ini menerjah kemungkinan hidupan haiwan dan tumbuhan di planet, untuk memungkinkan manusia dihantar bagi menjadi penghuni bulan pula. ISS mengajak paradigma makhluk bumi mengenai realiti ini.

roangkasa. Measat sudah dilancarkan ke udara. Sekurang-kurangnya dua pusat pengajian tinggi iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) mengendalikan program ijazah pertama aeroangkasa.

Dr Sheikh Muszaphar dan Dr Faiz bersama-sama dua lagi calon angkasawan berasa amat bertuah apabila diperkenalkan kepada Presiden Vladimir Putin, ketika pemimpin Russia berada di Kuala Lumpur sempena Persidangan Kemuncak ke-11 Asean. Program angkasa lepas negara pastinya memberi kesempatan kepada mereka yang terpilih untuk mempelajari ilmu berhubung dengan ruang angkasa.

Kesudian Moscow menjalin hubungan kerjasama sains dan teknologi untuk melatih angkasawan negara suatu petanda baik ke arah hendak mempertingkatkan hubungan dua hala demi kepentingan saintifik, malah sektor dagang juga. Presiden Putin pernah datang ke Malaysia ketika menghadiri sidang dialog Russia dengan rakan dalam Asean. Hal yang demikian juga petanda baik ke arah peningkatan kerjasama politik dan ekonomi di antara kedua-dua negara.

Projek angkasa lepas menuntut kos yang tinggi, sesuatu yang tidak terbeban negara dunia ketiga seperti kita. Pemilihan Russia untuk membantu negara dalam hal ini me-

ini untuk menambah bidang kepakaran kita dalam saintifik aeroangkasa. Sementelahan itu pula, projek penghantaran angkasawan bertuah kita ke ruang angkasa tidak membabitkan kos kita dari segi pembiayaannya.

Kerjasama dan permuafakatan untuk membolehkan rahsia ruang aeroangkasa dikongsi bersama demi kepentingan dan kesejahteraan manusia sejagat dirintis oleh projek ujian percantuman Apollo-Soyuz.

Sekarang kerjasama seperti itu dihulurkan kepada kita. Sesungguhnya penerokaan saintis dan ahli teknologi negara terhadap atmosfera angkasa suatu penjana baru dalam usaha negara memperkasa teknologi maklumat dan komunikasi, demi kepentingan manusia dan kemanusiaan sejagat.

Keberkesanan kerjasama seperti ini pada masa depan banyak bergantung kepada sejauh mana sikap muhibah dan setia kawan ditunjukkan dan dihulurkan kuasa besar seperti Russia dan Amerika kepada negara membangun seperti Malaysia.

Maka yang menarik perhatian sekarang bukan kerana benar kejayaan saintifiknya, tetapi sejauh mana kejayaan kerjasama dan toleransi aeroangkasa itu dapat diperluaskan kepada kerjasama dan permuafakatan demi kepentingan kemanusiaan sejagat di atas muka bumi ini.